



# SOALAN LAZIM (FAQ)

*TUNTUTAN BAGI TAMPUNGAN KOS IMBALANCE COST PASS-THROUGH (ICPT) DI SEMENANJUNG OLEH PEMEGANG LESEN AWAM PENGAGIHAN (LAP)*

## SENARAI SOALAN LAZIM (FAQ)

PERKARA	M/S
<b>BAHAGIAN 1: MAKLUMAT AM</b>	
1. Apakah yang dimaksudkan dengan <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT)?	3
2. Bagaimanakah caj ICPT akan memberi kesan terhadap bil elektrik?	3
<b>BAHAGIAN 2: KELAYAKAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT</b>	
3. Siapakah yang boleh membuat tuntutan tampungan kos ICPT bagi tempoh pelaksanaan tersebut?	4
4. Siapakah yang layak membuat tuntutan tampungan kos ICPT?	5
5. Sekiranya pemegang LAP gagal mematuhi perkara-perkara seperti yang dinyatakan di atas, adakah pemegang LAP boleh memohon dan mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT?	5
6. Apakah contoh ketidakpatuhan yang menyebabkan pemegang LAP tidak layak menuntut tampungan kos ICPT?	6
7. Apakah yang perlu dilakukan oleh pemegang LAP yang gagal mematuhi perkara seperti di perenggan 4 bagi melayakkan mereka untuk membuat tuntutan tampungan kos ICPT ini?	6
<b>BAHAGIAN 3: PENGIRAAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT</b>	
8. Bagaimanakah kos ICPT dikira?	8
9. Bagaimanakah pengiraan tuntutan tampungan kos ICPT dikira bagi setiap kategori pemegang LAP?	8
10. Sekiranya terdapat pemegang LAP yang mempunyai tempoh pengebilan bulanan yang melangkaui bulan ( <i>spanning month</i> ), bagaimanakah pengiraan tuntutan tampungan kos ICPT dikira?	9
<b>BAHAGIAN 4: PROSES TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT</b>	
11. Apakah dokumen-dokumen yang terlibat dalam proses tuntutan tampungan kos ICPT oleh pemegang LAP kepada Kerajaan?	10
12. Bagaimanakah format pengebilan dan bil pengguna pemegang LAP?	11
<b>BAHAGIAN 5: PELAKSANAAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK / ICPT SEMASA</b>	
13. Apakah keputusan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024?	11
14. Berapakah tuntutan tampungan kos ICPT yang layak dituntut oleh pemegang LAP?	12

**PERKARA**

**M/S**

- 
- |   |    |
|---|----|
| 15. Bagaimanakah tuntutan tampungan ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 dikira?  | 12 |
| 16. Berapakah peruntukan bagi tampungan kos ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024? Siapakah yang menampung tuntutan kos ICPT tersebut? | 13 |
| 17. Apakah tanggungjawab pemegang LAP dalam pelaksanaan keputusan pelarasan tarif elektrik / ICPT bagi setiap tempoh?   | 14 |
| 18. Bagaimana pemegang LAP boleh mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT kepada Kerajaan?  | 14 |
| 19. Bilakah tempoh tuntutan tampungan kos ICPT (1 Januari hingga 30 Jun 2024) terpakai?   | 15 |
| 20. Kepada siapakah tuntutan tampungan kos ICPT ini akan di bil dan di alamatkan?   | 16 |
| 21. Apakah proses yang akan dilalui semasa memproses tuntutan tampungan kos ICPT oleh pemegang LAP?   | 16 |

**BAHAGIAN 6: SALURAN PERTANYAAN**

- |   |    |
|---|----|
| 22. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan tuntutan tampungan kos ICPT? | 17 |
|---|----|

## BAHAGIAN 1: MAKLUMAT AM

### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)*?

ICPT adalah mekanisma yang diluluskan oleh kerajaan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga sejak 1 Januari 2014 di bawah rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive Based Regulation, IBR*).

Pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT ini dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diputuskan oleh Kerajaan setiap enam (6) bulan pada setiap tahun, bagi tempoh:

- (i) 1 Januari hingga 30 Jun
- (ii) 1 Julai hingga 31 Disember

untuk dilepaskan kepada pengguna domestik dan bukan domestik di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Pemegang Lesen Awam Pengagihan (pemegang LAP) dalam bentuk surcaj atau rebat ICPT.

### 2. Bagaimanakah caj ICPT akan memberi kesan terhadap bil elektrik?

ICPT merupakan caj yang dikenakan untuk setiap kWj tenaga elektrik yang digunakan. Caj ICPT adalah komponen boleh ubah dalam bil elektrik, dimana kadar ICPT adalah berdasarkan kepada penggunaan tenaga elektrik pada setiap bulan.

Caj ICPT dilepaskan secara terus dan pengiraannya adalah mengikut penggunaan bulanan tenaga elektrik dalam unit kWj didarabkan dengan kadar ICPT (sen/kWj). Caj ICPT ini kemudiannya akan ditambah atau ditolak daripada jumlah bil semasa anda.

Secara ringkas, pengiraan ICPT terhadap bil elektrik adalah seperti berikut:

$$\text{Caj ICPT, ("A")} = \text{Penggunaan elektrik (kWj)} \times \text{Kadar ICPT (sen/kWj)}$$

$$\text{Oleh itu, jumlah bil bulanan semasa, ("B")} = \text{Bil bulanan semasa} - \text{("A")}$$

\* nilai "A" akan bergantung kepada keputusan pelarasan tarif elektrik semasa, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat. Sekiranya keputusan ICPT adalah berbentuk surcaj, caj tambahan akan dikenakan kepada bil bulanan semasa. Sebaliknya, sekiranya keputusan pelarasan tarif elektrik semasa adalah berbentuk rebat, bil bulanan semasa akan ditolak dengan amaun rebat yang diberikan oleh Kerajaan.

## BAHAGIAN 2: KELAYAKAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT

### 3. Siapakah yang boleh membuat tuntutan tampungan kos ICPT bagi tempoh pelaksanaan tersebut?

Pemegang LAP yang dilesenkan di bawah seksyen 9 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] boleh membuat tuntutan tampungan kos ICPT bagi jumlah penggunaan elektrik penggunanya. Pemegang LAP adalah terdiri daripada:

#### Semenanjung

Pemegang LAP adalah syarikat yang mendapat bekalan elektrik secara pukal daripada TNB secara:

- (i) *Large Power Consumer* (LPC), Tenaga Nasional Berhad (TNB);
- (ii) *LPC Co-Generator* (CoGEN) TNB;
- (iii) *LPC Net Energy Metering* (NEM)\* TNB;
- (iv) *LPC with Green Energy Tariff* (GET)\*\* TNB; dan
- (v) Pemegang LAP di bawah syarikat utiliti selain TNB\*\*\*.

- \*NEM" ialah pemeteran tenaga bersih yang merujuk kepada penggunaan tenaga solar.
- \*\*GET ialah inisiatif Kerajaan untuk menyediakan pilihan elektrik hijau. Pelanggan GET dibekalkan dengan elektrik hijau yang datang daripada penjana Solar dan Hidro.
- \*\*\*Contoh: Syarikat Segi Astana Sdn Bhd yang mendapat bekalan elektrik daripada pemegang LAP (Malaysia Airport Sepang Sdn Bhd di dalam KLIA 2).

Nama pemohon tuntutan tampungan kos ICPT perlulah sama seperti nama pemegang lesen LAP yang berdaftar dan diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Sebarang penukaran nama syarikat, pemohon tuntutan tampungan kos ICPT perlu diluluskan oleh ST sebelum tuntutan tampungan kos ICPT boleh dikemukakan dan dibayar oleh Kerajaan.

#### **4. Siapakah yang layak membuat tuntutan tampungan kos ICPT?**

Pemegang LAP seperti di perenggan 3 boleh membuat tuntutan tampungan kos ICPT bagi tempoh pelaksanaan, berdasarkan pematuhan kepada:

- (i) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] (Akta 447);
- (ii) Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990;
- (iii) Syarat lesen yang dikeluarkan oleh ST; dan
- (iv) Arahan yang dikeluarkan oleh ST.

#### **5. Sekiranya pemegang LAP gagal mematuhi perkara-perkara seperti yang dinyatakan di atas, adakah pemegang LAP boleh memohon dan mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT?**

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang LAP bagi memastikan perkara seperti di perenggan 4 dipatuhi semasa mengemukakan tuntutan ICPT kepada pihak ST.

Kegagalan pemegang LAP mematuhi perkara di perenggan 4, membolehkan ST untuk tidak mempertimbangkan tuntutan tampungan kos ICPT untuk diproses dan dibayar.

Tindakan penguatkuasaan juga boleh di ambil oleh ST di bawah Akta 447.

Pemegang LAP akan dimaklumkan melalui perbualan telefon atau emel berkenaan kesalahan/ketidakpatuhan yang ditemui semasa semakan tuntutan ICPT tersebut. Walau bagaimanapun, tiada surat rasmi akan dikeluarkan bagi perkara berkenaan.

## 6. Apakah contoh ketidakpatuhan yang menyebabkan pemegang LAP tidak layak menuntut tumpangan kos ICPT?

Contoh ketidakpatuhan yang menyebabkan pemegang LAP tidak layak menuntut tumpangan kos ICPT adalah seperti berikut:

Isu	Perincian	Ketidakpatuhan kepada	
(i)	Kadar tarif elektrik yang dikenakan kepada pengguna tidak seperti kadar tarif yang diwartakan	Tidak mematuhi kadar blok tarif pertama pengguna komersial. (Tiada caj pada 200 kWj pertama)	i. Seksyen 26 Akta 447 ii. Syarat Lesen
(ii)	Tarif elektrik yang dicaj kepada pengguna diklasifikasikan di bawah kategori pengguna salah	Pengguna tarif B (Komersial) dikenakan caj kadar tarif C1	
(iii)	Pemegang LAP sub lesen pengagihan kepada syarikat lain.	Bil kepada pengguna dikeluarkan oleh syarikat lain dan bukannya atas nama syarikat pemegang LAP yg berdaftar dengan ST.  Contoh: pihak pengurusan atau <i>Joint Management Body</i> (JMB) mengeluarkan bil kepada penduduk pangsapuri.	i. Seksyen 9 Akta 447 ii. Syarat Lesen
(iv)	Pembayaran fi lesen tahunan	Pemegang LAP gagal untuk membayar fi lesen tahunan	i. Subseksyen 9 Akta 447 ii. Syarat Lesen
(v)	Kegagalan mengemukakan <i>bank guarantee</i> (BG)	Pemegang LAP gagal mengemukakan BG selepas permohonan lesen diluluskan	i. Subseksyen 18 (1) Akta 447
(vi)	Nama syarikat tidak sama dengan nama pemegang LAP	Pemegang LAP telah menukar nama syarikat tetapi tidak memaklumkan kepada ST	i. Syarat Lesen
(vii)	Tidak melaksanakan keputusan kerajaan berkaitan ICPT	Pemegang LAP tidak memberikan rebat/mengenakan surcaj ICPT kepada pengguna	i. Syarat Lesen

## 7. Apakah yang perlu dilakukan oleh pemegang LAP yang gagal mematuhi perkara seperti di perenggan 4 bagi melayakkan mereka untuk membuat tuntutan tumpangan kos ICPT ini?

Sekiranya sebarang ketidakpatuhan telah berlaku, pemegang LAP hendaklah membuat tindakan pembetulan (*corrective action*) sewajarnya pada kadar segera sebelum tuntutan tumpangan kos ICPT boleh dikemukakan semula kepada ST.

Tindakan pembedulan hendaklah mematuhi perkara seperti di perenggan 4. Sebagai contoh:

	Ketidakpatuhan	Tindakan pembedulan
(i)	<p>Kesalahan penganan tarif, Contoh: Perenggan 6(i) dan (ii)</p>	<p>Pemegang LAP hendaklah membetulkan struktur tarif pengagihan elektrik dan sistem pengebilan sedia ada mengikut keperluan di perenggan 4.</p> <p>Tuntutan kos ICPT hanya akan diproses dan diluluskan setelah tindakan pembedulan tersebut berkuatkuasa di dalam bil pengguna, bagi bulan semasa atau bulan-bulan berikutnya.</p> <p>Pihak ST boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya ketidakpatuhan ini masih berterusan.</p>
(ii)	<p>Ketidakpatuhan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta 447</li> <li>• Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990; dan Syarat Lesen ST</li> </ul> <p>Contoh: Perenggan 6(iii) hingga (vii)</p>	<p>Ketidakpatuhan ini memberikan impak besar kepada status lesen yang dipegang oleh pemegang LAP.</p> <p>Sebagai contoh, isu BG tertakluk kepada subseksyen 18(2) Akta 447 dan ketidakpatuhan kepada subseksyen tersebut, membolehkan lesen digantung atau dibatalkan oleh ST selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 18(2) Akta 447. Perkara ini juga tidak melayakkan pemegang LAP untuk membuat tuntutan bagi tampungan kos ICPT.</p> <p>Tuntutan kos ICPT tidak boleh diproses untuk kelulusan selagi ketidakpatuhan tersebut berlaku.</p> <p>Sekiranya pemegang LAP telah mengambil tindakan pembedulan, kelayakkan bagi tuntutan tampungan kos ICPT akan dikira bermula pada tarikh pematuhan berkuatkuasa. Sebagai contoh, kelayakan tuntutan bermula pada hari pembayaran BG tersebut dijelaskan sehingga tempoh pelaksanaan ICPT dikuatkuasakan.</p>



### BAHAGIAN 3: PENGIRAAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT

#### 8. Bagaimanakah kos ICPT dikira?

Secara umumnya, pengiraan kos ICPT adalah seperti berikut:

$$\text{Caj ICPT} = \text{Penggunaan elektrik (kWj)} \times \text{Kadar ICPT}^* \text{ (sen/kWj)}$$

\*bergantung kepada kadar surcaj atau rebat ICPT yang diputuskan oleh Kerajaan bagi tempoh pelaksanaan.

Walau bagaimanapun, kaedah pengiraan tuntutan adalah berbeza mengikut kategori pemegang LAP dan penggunaannya, berdasarkan kadar surcaj atau rebat yang diputuskan oleh Kerajaan bagi setiap tempoh pelaksanaan ICPT.

#### 9. Bagaimanakah pengiraan tuntutan tampungan kos ICPT dikira bagi setiap kategori pemegang LAP?

KATEGORI PEMEGANG LAP	PENGIRAAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT		
(i) LPC / LPC (CoGEN) / LPC (NEM) TNB (ii) Pemegang LAP di bawah syarikat utiliti selain TNB (iii) Pemegang LAP SESB	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi ketiga-tiga kategori ini, pengiraan tuntutan kos ICPT dikira secara bulanan menggunakan formula berikut:               <table border="1" data-bbox="624 1077 1329 1196"> <tr> <td>Formula Pengiraan</td> <td>Penggunaan elektrik (kWj) x Kos ICPT (surcaj/ rebat yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna)</td> </tr> </table> </li> <li>Jumlah keseluruhan penggunaan elektrik pengguna LAP akan dikira menggunakan formula di atas mengikut keputusan pelarasan ICPT bagi setiap kategori pengguna.</li> </ul>	Formula Pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x Kos ICPT (surcaj/ rebat yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna)
Formula Pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x Kos ICPT (surcaj/ rebat yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna)		
(iv) <b>LPC Green Electricity Tariff (GET) TNB *</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program GET diperkenalkan kepada pengguna sebagai alternatif bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baru dengan tarif yang dikenakan berdasarkan kuota penggunaan kWj yang telah dilanggan di dalam program tersebut.</li> <li>Sebagai insentif, Kerajaan telah memberikan <b>pengecualian ICPT secara bertempoh*</b> berdasarkan kuota penggunaan kWj yang dilanggan. Walau bagaimanapun, pengecualian ICPT tersebut hanya terpakai ke atas pelanggan program GET sahaja (pemegang LAP sahaja).               <p><i>*tempoh pengecualian adalah terpakai mengikut keputusan Kerajaan seperti yang tertakluk di dalam kontrak yang dilanggan oleh pemegang LAP.</i></p> </li> <li>Memandangkan pengecualian ICPT hanya diberikan kepada pelanggan GET (pemegang LAP) sahaja, pemegang LAP masih boleh mengenakan surcaj atau rebat kepada pengguna yang lain.</li> </ul>		

KATEGORI PEMEGANG LAP	PENGIRAAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Oleh yang demikian, tuntutan kos ICPT hanya terhad kepada jumlah baki kWj yang dikenakan surcaj ICPT sahaja.</li> </ul> <p><b>Tuntutan kos ICPT GET= Jumlah penggunaan kWj TNB – Jumlah GET yang dilanggan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah tuntutan kos ICPT GET akan di-pro rata bagi setiap pengguna mengikut baki kWj penggunaan elektrik yang ditolak dengan kWj (langganan GET).</li> </ul>

**10. Sekiranya terdapat pemegang LAP yang mempunyai tempoh pengebilan bulanan yang melangkaui bulan (*spanning month*), bagaimanakah pengiraan tuntutan tampungan kos ICPT dikira?**

Bagi pemegang LAP yang mengeluarkan bil bulanan penggunaannya berdasarkan ***spanning month***, dan tidak mempunyai ***smart meter***, pengiraan penggunaan elektrik (kWj) akan dikira secara **prorata** bagi tempoh bil bulan tersebut dan pengiraan akan dikira dalam tempoh pelaksanaan ICPT sahaja.

Berikut adalah contoh pelaksanaan tuntutan kos ICPT bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024.

Tempoh pengebilan bil elektrik bagi Syarikat A untuk bulan Januari 2024 adalah bermula pada 24.12.2023 – 23.01.2024 (31 hari), maka tuntutan layak diterima adalah 23 hari sahaja bagi bil bulan Januari 2024 iaitu bagi tempoh 01.01.2024 – 23.01.2024.

Butiran pengiraan tempoh hari yang layak dituntut mengikut bulan bagi Syarikat A adalah seperti berikut:

Bil Bulanan	Tarikh Pengebilan	Tempoh hari layak membuat tuntutan
Januari 2023	24.12.2023 – 23.01.2024	01.01.2024– 23.01.2024 = 23 hari
Februari 2023	24.01.2024 – 23.02.2024	24.01.2024 – 23.02.2024 = 31 hari
Mac 2023	24.02.2024 – 23.03.2024	24.02.2024 – 23.03.2024 = 28 hari
April 2023	24.03.2024 – 23.04.2024	24.03.2024 – 23.04.2024 = 31 hari
Mei 2023	24.04.2024 – 23.05.2024	24.04.2024 – 23.05.2024 = 30 hari
Jun 2023	24.05.2024 – 23.06.2024	24.05.2024 – 23.06.2024 = 31 hari
Julai 2023	24.06.2024 – 23.07.2024	24.06.2024 – 30.06.2024 = 7 hari

Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang LAP yang mengeluarkan bil bulanan penggunaannya berdasarkan **spanning month**, dan mempunyai **smart meter**, pengiraan penggunaan elektrik (kWj) akan dikira berdasarkan penggunaan bagi tempoh bil bulan tersebut, mengikut penggunaan sebenar yang disukat oleh **smart meter** dan pengiraan akan dikira dalam tempoh pelaksanaan ICPT sahaja.

[Rujuk perenggan 15(ii) untuk contoh pengiraan kos ICPT.]

#### **BAHAGIAN 4: PROSES TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT**

##### **11. Apakah dokumen-dokumen yang terlibat dalam proses tuntutan tampungan kos ICPT oleh pemegang LAP kepada Kerajaan?**

Pemegang LAP hendaklah mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT beserta dokumen sokongan kepada pihak ST **secara bulanan** bagi tujuan semakan dan pengesahan seperti di **Lampiran 1**.

Pengesahan tuntutan adalah tertakluk kepada ketepatan dan penerimaan lengkap semua dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di atas. Sekiranya terdapat satu daripada dokumen sokongan yang diterima adalah tidak tepat atau tidak lengkap, tuntutan tidak akan diproses. Ianya akan direkod sebagai “dokumen diterima” untuk ke proses semakan seterusnya apabila kesemua dokumen tersebut tepat dan lengkap.

**Nota: Adalah menjadi tanggungjawab ke atas pemegang lesen untuk menyediakan dan memberikan dokumen lengkap (boleh disemak dan disahkan) kepada ST sebelum tuntutan dikemukakan. Kegagalan memberikan dokumen lengkap, termasuk dokumen yang boleh disemak dan disahkan akan menyebabkan tuntutan tidak layak diproses untuk pembayaran.**

## 12. Bagaimanakah format pengebilan dan bil pengguna pemegang LAP?

Pemegang LAP bebas untuk mengebil pengguna mengikut sistem pengebilan yang digunakan oleh syarikat masing-masing. Walau bagaimanapun, bil perlulah mempunyai maklumat berikut:

- (i) Perincian pengguna termasuk nama, alamat, nombor akaun dan nombor bil;
- (ii) Jenis tarif pengguna;
- (iii) Tempoh pengebilan;
- (iv) Perincian blok penggunaan elektrik (kWh) dan kadar yang dicaj;
- (v) Perincian caj ICPT (sama ada surcaj atau rebat) yang dikenakan kepada pengguna; dan
- (vi) Caj semasa.

Contoh bil pengguna untuk rujukan adalah seperti di **Lampiran 2**.

### **BAHAGIAN 5: PELAKSANAAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK / ICPT SEMASA**

## 13. Apakah keputusan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024?

Berdasarkan keputusan Kerajaan yang telah diumumkan pada 22 Disember 2023, pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 adalah seperti berikut:

<b>Semenanjung</b>
(a) pengguna domestik (tarif A) dengan penggunaan elektrik 600 kWj dan ke bawah ( $\leq 600$ kWj) kekal menerima rebat 2 sen/kWj;
(b) pengguna domestik (tarif A) dengan penggunaan elektrik melebihi 600 kWj hingga 1,500 kWj ( $> 600$ kWj – $\leq 1,500$ kWj) tidak menerima rebat dan tidak dikenakan surcaj (zerorise);
(c) pengguna domestik (tarif A) dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ( $> 1,500$ kWj) kekal dikenakan surcaj pada kadar 10 sen/kWj;
(d) pengguna bukan domestik dalam kategori tarif voltan rendah (tarif B dan D), pengguna dalam kategori tarif pertanian spesifik (tarif H, H1 dan H2) dan operator air dan pembetungan kekal dikenakan surcaj pada kadar 3.70 sen/kWj;
(e) pengguna bukan domestik selain daripada kategori dalam sub perenggan (d) kekal dikenakan surcaj pada kadar 17 sen/kWj

#### 14. Berapakah tuntutan tampungan kos ICPT yang layak dituntut oleh pemegang LAP?

Pemegang LAP yang mempunyai pengguna domestik dan bukan domestik seperti yang dinyatakan di perenggan 13, boleh membuat tuntutan tampungan kos ICPT berdasarkan penggunaan elektrik penggunanya di dalam kWj pada setiap bulan. Kos ICPT yang ditampung oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

#### SEMENANJUNG

KATEGORI PENGGUNA	TARIF	TAMPUNGAN KOS ICPT YANG BOLEH DITUNTUT DARIPADA KERAJAAN
(a) <b>Domestik</b>	A	(i) Pemberian rebat @ 2 sen/kWj bagi penggunaan elektrik 600 kWj dan ke bawah ( $\leq 600$ kWj)
		(ii) Kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna @ 17 sen/kWj bagi penggunaan elektrik 1,500 kWj dan ke bawah ( $\leq 1,500$ kWj)
		(iii) Sebahagian kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna @ 7 sen/kWj bagi penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ( $> 1,500$ kWj)
(b) <b>Bukan Domestik</b>		(iv) Sebahagian kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna <b>@ 13.30 sen/kWj</b> (17.00 sen/kWj – 3.70 sen/kWj)
i. Komersil	B	
ii. Perindustrian	D	
iii. Pertanian Spesifik	H, H1, H2	
iv. Operator air dan pembedungan		

#### 15. Bagaimanakah tuntutan tampungan ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 dikira?

Pengiraan tampungan kos ICPT bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 adalah seperti berikut:

##### (i) Pengguna Domestik Semenanjung (Tarif A)

Formula Pengiraan	a) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.02 (rebat yang diberikan kepada pengguna bagi penggunaan kurang daripada 600kWj)) b) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.17 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan kurang daripada 1,500kWj)) c) Penggunaan elektrik (kWj) x RM0.07 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan melebihi 1,500kWj)
Contoh	a) = 1,000 kWj x RM0.17 = <b>RM170</b>

	<p>b) = 600 kWj x RM0.19 = <b><u>RM114</u></b></p> <p>c) = 1,501 kWj x RM0.07 = <b><u>RM105.07</u></b></p>
--	--

(ii) Pengguna Domestik Semenanjung (**Tarif A**) (*Spanning Month*)

Formula Pengiraan	<p>d) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.02 (rebat yang diberikan kepada pengguna bagi penggunaan kurang daripada 600kWj))</p> <p>e) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.17 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan kurang daripada 1,500kWj))</p> <p>f) Penggunaan elektrik (kWj) x RM0.07 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan melebihi 1,500kWj)</p>
Contoh	<p>1) Tempoh pengebilan (24/12/23 – 23/1/24) = 2,500 kWj</p> <p>2) Tempoh hari layak menuntut: (1/1/24-23/1/24)</p> <p>a) = 1,000 kWj x RM0.17 = <b><u>RM170</u></b></p> <p>b) = 600 kWj x RM0.19 = <b><u>RM114</u></b></p> <p>c) = 1,501 kWj x RM0.07 = <b><u>RM105.07</u></b></p>

(iii) Pengguna Bukan Domestik Semenanjung (**Tarif B, D, H, H1 & H2**)

Formula Pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x RM0.133 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan) (RM0.17– RM0.037 (surcaj yang dilepaskan kepada pengguna))
Contoh	= 7,400 kWj x RM0.133 = <b><u>RM984.20</u></b>

**16. Berapakah peruntukan bagi tampungan kos ICPT di Semenanjung bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024? Siapakah yang menampung tuntutan kos ICPT tersebut?**

Peruntukan bagi tampungan kos ICPT bagi pemegang LAP dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan melalui dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) iaitu sebanyak RM538.77 juta.

**17. Apakah tanggungjawab pemegang LAP dalam pelaksanaan keputusan pelarasan tarif elektrik / ICPT bagi setiap tempoh?**

Pemegang LAP bertanggungjawab melaksanakan keputusan pelarasan tarif elektrik / ICPT bagi setiap tempoh seperti berikut:

- (i) Mengenakan kadar elektrik mengikut kadar yang diwartakan oleh Kerajaan termasuklah kategori tarif yang bersesuaian kepada pengguna;
- (ii) Memberikan perincian tarif termasuklah pelarasan kadar ICPT kepada pengguna;
- (iii) Memaklumkan jumlah subsidi bahan api yang ditanggung oleh Kerajaan kepada pengguna;
- (iv) Mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT kepada pihak Kerajaan mengikut perenggan 17 (i) dan (ii); dan
- (v) Menjelaskan caj/ bil elektrik bulanan yang dikeluarkan oleh pembekal elektrik dalam masa 30 hari dari tarikh bil dikeluarkan, bagi mengelak dikenakan surcaj/penalti lewat bayar\*.

**Nota:**

Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 4(5) membenarkan pembekal elektrik mengenakan levi surcaj sebanyak 1% sebulan bagi hari atau sebahagian hari atas tempoh lewat bayar oleh pengguna.

**18. Bagaimana pemegang LAP boleh mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT kepada Kerajaan?**

Pihak Kerajaan telah menetapkan bahawa mekanisme penyaluran dana tampungan adalah berdasarkan pembayaran balik (*reimbursement*) melalui tuntutan daripada pemegang LAP yang telah disemak dan disahkan oleh ST.

Sehubungan itu, pemegang LAP perlu mengemukakan dokumen tuntutan kos ICPT (salinan asal) **secara bulanan\*** kepada ST yang di alamatkan kepada:

Salinan <i>hardcopy</i>	Salinan <i>softcopy</i> termasuk fail Excel
<p><b>Ketua Pegawai Eksekutif</b>            Suruhanjaya Tenaga            No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2            62100 PUTRAJAYA  <b>(u/p: Unit Kumpulan Wang Industri            Elektrik)</b></p>	<p><b>ukwie@st.gov.my</b></p>

**Nota:**

Adalah penting tuntutan ICPT dikemukakan secara bulanan dan bukan secara terkumpul bagi memberi ruang/masa untuk pembetulan dibuat oleh pemegang LAP sekiranya semakan ST mendapati dokumen yang dikemukakan tersebut kurang tepat.

Tuntutan tampungan kos ICPT oleh pemegang LAP yang diluluskan akan dibayar oleh ST dengan cara berikut:

- (i) Sekiranya pemegang LAP mendapatkan bekalan elektrik secara pukal daripada pembekal utama elektrik seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), bayaran akan dikreditkan melalui bil elektrik pembekal pemegang LAP; atau

**Nota: Sekiranya pemegang LAP mempunyai lebih daripada satu akaun bil elektrik dengan pembekal utama elektrik, pemegang LAP diminta memberikan **satu (1) nombor akaun bil elektrik yang utama** untuk tujuan pembayaran tuntutan kos ICPT.**

- (ii) Sekiranya pemegang LAP mendapatkan bekalan elektrik secara pukal daripada pemegang LAP induk, bayaran akan dikreditkan melalui akaun bank yang diberikan oleh pemegang LAP di dalam invois.

#### **19. Bilakah tempoh tuntutan tampungan kos ICPT (1 Januari hingga 30 Jun 2024) terpakai?**

Pemegang LAP boleh mengemukakan tuntutan tampungan kos ICPT (1 Januari hingga 30 Jun 2024) mulai 1 Januari hingga 31 Julai 2024.

Tuntutan yang diterima oleh ST selepas 31 Julai 2024 tidak akan diberikan ruang/masa untuk pembedahan dan akan ditolak atau tidak diproses sekiranya semakan mendapati dokumen yang dikemukakan tersebut kurang tepat.

Dokumen tuntutan ICPT perlu dikemukakan oleh pemegang LAP dan diterima secara fizikal oleh ST selewat-lewatnya 31 Julai 2024. Tuntutan yang diterima oleh ST selepas 31 Julai 2024 tidak akan diproses. Sebarang rayuan ke atas tuntutan yang lewat diterima oleh ST selepas 31 Julai 2024 tidak dapat dipertimbangkan.




**20. Kepada siapakah tuntutan tampungan kos ICPT ini akan di bil dan di alamatkan?**

Tuntutan tampungan kos ICPT perlu dibilkan kepada pihak ST selaku pihak yang membayar (*payer*). Surat iringan (*cover letter*) dan nota debit/inbois perlu dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Suruhanjaya Tenaga  
No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2  
62100 PUTRAJAYA  
**(u/p: Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik).**

**21. Apakah proses yang akan dilalui semasa memproses tuntutan tampungan kos ICPT oleh pemegang LAP?**

Proses menuntut tampungan kos ICPT (dibaca bersama perenggan 17) adalah seperti berikut:



## BAHAGIAN 6: SALURAN PERTANYAAN

### 22. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan tuntutan tampungan kos ICPT?

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, pemegang LAP boleh merujuk/menghubungi:

- (i) Soalan lazim/FAQ di: <https://www.st.gov.my/contents/Fagtuntutanicpt.pdf> ; atau
- (ii) Talian hotline Suruhanjaya Tenaga/ Unit KWIE: **03 - 8870 8500**; atau
- (iii) Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik, emel: [ukwie@st.gov.my](mailto:ukwie@st.gov.my); atau
- (iv) En. Abdul Rahim bin Ismail di talian, 03-8870 8623, emel: [arahim@st.gov.my](mailto:arahim@st.gov.my); atau
- (v) Cik Amelia Eliani Binti Roslee di talian, 03-8870 8605, emel: [amelia@st.gov.my](mailto:amelia@st.gov.my).

Senarai Dokumen Tuntutan		SEMENANJUNG
(a)	Surat iringan ( <i>cover letter</i> )	Tuntutan Tampungang Kos ICPT Di Semenanjung Oleh Pemegang LAP Bagi Tempoh Pelaksanaan 1 Januari Hingga 30 Jun 2024
(b)	Nota Debit/ Inbois Tuntutan	
(c)	<b>Borang Tuntutan:</b>	
	(i) Pengguna Domestik	Borang <b>ST/KWIE/B15(S)-2/2024</b> - Ringkasan Tuntutan Surcaj dan Rebat Tarif Elektrik ( <b>Pengguna Tarif A</b> )
	(ii) Pengguna Bukan Domestik	Borang <b>ST/KWIE/B15(S)-1/2024</b> - Ringkasan Tuntutan Sebahagian Tampungang Surcaj ICPT ( <b>Pengguna Tarif B, D, H, H1 &amp; H2</b> )
(d)	Sampel Bil Pengguna (bulan tuntutan)	5 sampel bil - domestik (tarif A)
		5 sampel bil - bukan domestik (tarif B, D, H, H1 & H2)
(e)	Bil Elektrik pemegang LAP	Bil elektrik daripada TNB/ Syarikat Utiliti selain TNB
(f)	Borang Akuan Penerimaan dan Pematuhan Oleh Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) bagi tempoh pelaksanaan ICPT 1 Januari hingga 30 Jun 2024	

- Senarai dokumen di atas boleh dimuat turun melalui pautan berikut: [[Borang Tuntutan ICPT](#)]

SEMENANJUNG

Contoh Bil Pengguna Tarif A - Domestik

[Letter Head Syarikat/ Logo Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP)]

Nama Pengguna	: Lim Ah Hong	No. Akaun	: 6789123	
Alamat Pengguna	: Unit B-205, Level 10 Kondominium Teratal Petaling Jaya, Selangor	No. Bil	: 000123	
		Deposit	: RM500	
		Jenis Tariff	: A - Kediaman	
<b>Jumlah Perlu Dibayar: RM352.91</b>		<b>Tarikh Bil</b>	<b>: 06.02.2023</b>	
	<b>Jumlah (RM)</b>	<b>Tarikh</b>		
Bil Terdahulu	: RM285	06.01.2023		
Bayaran Akhir	: RM285	28.01.2023		
Tempoh Bil Semasa	: 01.01.2023 - 31.01.2023 (31 Hari)			
<b>Blok Tarif (kWh/kW)</b>	<b>Kegunaan (kWh)</b>	<b>Kadar (RM)</b>	<b>Amaun (RM)</b>	
200	200.000	0.2180	43.60	
100	100.000	0.3340	33.40	
300	300.000	0.5160	154.80	
300	242.00	0.5460	132.13	
<b>Jumlah</b>	<b>842.00</b>		<b>363.93</b>	
<b>Keterangan</b>	<b>Tidak Kena ST</b>	<b>Kena ST</b>	<b>Jumlah</b>	
Kegunaan kWh	kWh	842.00	0.00	842.00
Kegunaan	RM	363.93	0.00	363.93
ICPT @ Rebat 2.00 sen/kWh	RM	(16.84)	0.00	(16.84)
Kegunaan Bulan Semasa	RM	347.09	0.00	347.09
KWTBB (1.6%)	RM			5.82
Lain-lain surcaj / Penalti	RM			-

Contoh Bil Pengguna Tarif B

[Letter Head Syarikat/ Logo Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP)]

Nama Pengguna	: ABC Sdn Bhd	No. Akaun	: 6789123	
Alamat Pengguna	: Lot 513, Level 2, D'Centrum Mall Bangl	No. Bil	: 000123	
		Deposit	: RM1,000	
		Jenis Tariff	: B	
<b>Jumlah Perlu Dibayar: RM345.16</b>		<b>Tarikh Bil</b>	<b>: 06.02.2023</b>	
	<b>Jumlah (RM)</b>	<b>Tarikh</b>		
Bil Terdahulu	: RM298	06.01.2023		
Bayaran Akhir	: RM298	28.01.2023		
Tempoh Bil	: 01.01.2023 - 31.01.2023 (31 Hari)			
<b>Blok Tarif (kWh/kW)</b>	<b>Kegunaan (kWh)</b>	<b>Kadar (RM)</b>	<b>Amaun (RM)</b>	
200 kWh pertama	200.000	0.4350	87.00	
201 kWh ke atas (>200)	450.00	0.5090	229.05	
<b>Jumlah</b>	<b>650.00</b>		<b>316.05</b>	
<b>Keterangan</b>	<b>Tidak Kena ST</b>	<b>Kena ST</b>	<b>Jumlah</b>	
Kegunaan kWh	kWh	650.00	0.00	650.00
Kegunaan	RM	316.05	0.00	316.05
ICPT @ Surcaj 3.70 sen/kWh	RM	24.05	0.00	24.05
Kegunaan Bulan Semasa	RM	340.10	0.00	340.10
KWTBB (1.6%)	RM			5.06
Surcharge/Penalty	RM			-
<b>Caj Semasa</b>				<b>345.16</b>

Nota:

Contoh bil di atas merangkumi:

1. Perkara dan item yang perlu dinyatakan dan diperincikan di dalam bil kepada pengguna.
2. Bagi perkara "Lain-lain surcaj / penalti", ianya adalah tertakluk kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan - peraturan yang berkuatkuasa (sekarang ada).
3. Maklumat lain yang berkaitan dengan pengebilan seperti kaedah pembayaran, maklumat perbankan pemegang LAP dan sebagainya adalah mengikut format pengebilan pemegang LAP sedia ada.